



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

INSIDEN GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK (BLACKOUT) DI KLIA TERMINAL 2 PADA 28 OGOS 2025

Putrajaya, 26 September 2025 – Jemaah Menteri pada 24 September 2025 telah mengambil maklum laporan teknikal yang disediakan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) berhubung insiden gangguan bekalan elektrik (blackout) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 2 (KLIA T2) pada 28 Ogos 2025.

Fokus utama Kerajaan adalah memastikan insiden ini ditangani segera dengan langkah pencegahan yang berkesan supaya kejadian seumpamanya tidak berulang.

Hasil Siasatan MAHB

Siasatan teknikal MAHB mendapati bahawa punca utama insiden tersebut adalah disebabkan kewujudan arus edaran (*circulating current*) yang terhasil di sepanjang laluan kabel di antara Pencawang 33kV yang membekalkan kuasa ke KLIA T2 dengan pencawang-pencawang 11kV di Terminal. eadaan ini menyebabkan pemanasan setempat pada penamatan kabel sehingga berlakunya insiden *flashover*.

Selain itu, faktor rintangan tanah (Soil Resistivity – SR) yang tinggi turut menyumbang secara tidak langsung dengan menghalang pelepasan arus ke bumi secara berkesan, sekaligus meningkatkan tekanan haba pada kabel pelindung (*sheath wires*).

Langkah Pembaikan Segera oleh MAHB

Pasukan teknikal MAHB telah melaksanakan langkah-langkah beberapa tindakan segera, antaranya:

- (i) Membaiki semua penamatan kabel (*cable termination*);
- (ii) Memasang sarung pembatas voltan (*sheath voltage limiter*) di lokasi pendawaian silang (*cross bonding*) untuk mengurangkan kesan arus edaran (*circulating current*);





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- (iii) Penilaian dan konfigurasi semula pemasangan pembumian (*earthing installation*); dan
- (iv) Menambah baik rejim penyelenggaraan dengan menggabungkan ujian separa nyahcas (*partial discharge test*) dan pemeriksaan termografi (*thermographic inspection*) ke dalam pelan penyelenggaraan pencegahan (*planned preventive maintenance*) kabel kuasa.

Langkah Penambahbaikan Jangka Panjang

Bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kebolehpercayaan sistem, MAHB turut mengenal pasti tindakan penambahbaikan jangka masa panjang, termasuk:

- (i) Mengkaji kebolehlaksanaan pemasangan sistem Automatic Transfer Switch (ATS) bagi mempercepatkan bekalan kuasa sokongan;
- (ii) Mengoptimumkan penggunaan generator bagi melindungi lebih banyak perkhidmatan kritikal;
- (iii) Memendekkan jadual penyelenggaraan *Planned Preventive Maintenance* (PPM) untuk ujian beban genset di Gateway@klia2 daripada tiga bulan kepada dua bulan sekali bagi meningkatkan tahap kebolehpercayaan serta pengesanan awal insiden *flashover*; dan
- (iv) Melaksanakan kajian menyeluruh mengenai rintangan tanah di sepanjang laluan kabel, termasuk analisis bermusim dan keberkesanan sistem pembumian serta cross bonding, supaya risiko arus beredar dapat dikawal dengan lebih berkesan pada masa hadapan selain meningkatkan keberkesanan sistem pembumian.

MAHB telah mengesahkan bahawa tiada operasi kritikal lapangan terbang yang terjejas akibat insiden tersebut.

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) akan terus memantau pelaksanaan langkah-langkah susulan oleh MAHB bagi memastikan tahap keselamatan, kecekapan, dan kebolehpercayaan sistem di KLIA sentiasa berada pada tahap terbaik.

MOT kekal komited memastikan perkhidmatan penerbangan negara sentiasa selamat, efisien, dan diyakini, demi mengekalkan keyakinan penumpang serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab penerbangan serantau.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN 25 SEPTEMBER 2025

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

